



UUM
Universiti Utara Malaysia

NEWS HIGHLIGHTS

☐ STRAITS TIMES ☐ Utusan Malaysia ☐ Kosmo! ☐ BH

☐ Sinar ☐ Star ☐ Metro

Date: 25/12/25

Page: 10

Penarafan bersandarkan daya saing pulih fungsi sebenar universiti

• KPT secara terbuka menolak fenomena *isomorphic mimicry*, iaitu kecenderungan institusi meniru bulat-bulat amalan luar demi kelihatan cemerlang, tetapi kosong dari segi impak sebenar

• Hakikatnya, wujud anjakan dasar jelas ke arah pendidikan tinggi lebih berimbang, beretika dan berteraskan impak, walaupun ranking masih diiktiraf sebagai sebahagian daripada realiti global



Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Ahmad Martadha
Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Pembahasan mengenai cadangan supaya Malaysia meninggalkan sistem ranking universiti antarabangsa perlu ditangani secara rasional dan berlapik, khususnya apabila hujah di-kemukakan adalah ranking hanya kegiatan mengaut keuntungan dan manifestasi pemaksaan ekonomi neo-liberal.

Kritikan sebegini tidak wajar ditolak mentah-mentah kerana ia mengangkat kebimbangan sah terhadap kesan tekanan ranking pada budaya pengajaran, penerbitan dan kebebasan intelektual universiti.

Namun begitu, melabelkan penyertaan institusi pendidikan tinggi (IPT) Malaysia dalam sistem ranking sebagai tindakan membata tuli agak melampau kerana ia tidak mencerminkan pendirian sebenar kerajaan dan anjakan dasar semasa.

Pendirian rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam hal ini adalah jelas dan konsisten, iaitu ranking universiti diiktiraf sebagai sebahagian daripada ekosistem pendidikan tinggi, tetapi tidak dijadikan matlamat muktamad.

Hal ini ditegaskan beberapa kali Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, yang menyatakan ranking mempunyai peranan penting kerana ia 'secara semula jadinya meningkatkan persaingan dan penambahbaikan berterusan, mengangkat budaya inovasi dan penyelidikan serta menjadi penanda aras sesama institusi pendidikan tinggi (IPT) di peringkat tempatan dan global'.

Menurut beliau lagi, keterlihatan diberikan ranking turut membuka ruang kepada jalinan kolaborasi, khususnya bagi universiti muda di rantau Asia.

Namun, pada masa sama, beliau menegaskan KPT tidak mahu sistem pendidikan tinggi negara terperangkap dalam ketaasuban terhadap angka dan kedudukan semata-mata.

Dalam ucapannya sempena Sidang Kemuncak Pendidikan Tinggi Universiti Asia 2024, beliau menekankan Kementerian perlu 'berusaha mencapai keseimbangan halus' dengan mengambil pendekatan holistik terhadap pendidikan tinggi serta mengelakkan keadaan universiti teralu dikuasai dengan ranking sahaja.

Penegakan ini penting kerana ia menunjukkan pengiktirafan kerajaan terhadap kelemahan sistem ranking global, termasuk tekanan tidak sihat terhadap penerbitan dan kecenderungan meminggir-

kan nilai kemanusiaan dalam pendidikan.

KPT secara terbuka menolak fenomena *isomorphic mimicry*, iaitu kecenderungan institusi meniru bulat-bulat amalan luar demi kelihatan cemerlang, tetapi kosong dari segi impak sebenar.

Zambry secara tegas mengingatkan 'kita ingin kelihatan gah, maka meniru yang lain, namun hakikat isinya sifar', sambil menambah meniru proses dan sistem luar tanpa mempertimbangkan konteks tempatan hanya menghasilkan institusi 'kelihatan berkemampuan, tetapi hakikatnya tidak'.

Impak mesti jadi ukuran kecemerlangan

Justeru, beliau menegaskan kecemerlangan sebenar universiti mesti diukur melalui impak, penyelesaian masalah praktikal serta sumbangan kepada pembangunan bangsa dan masyarakat.

Pendekatan holistik ini turut dizahirkan melalui keutamaan diberikan kepada kemenjadian mahasiswa, pembangunan bakat berteraskan nilai dan kemanusiaan serta penyelidikan beretika memberi manfaat nyata kepada masyarakat.

“KPT turut menggerakkan program perkaderan kepemimpinan muda bagi melahirkan pemimpin masa depan berilmu, berdaya saing, berwatak global dan teguh dari segi moral”

Zambry turut menegaskan universiti harus memastikan penerbitan dibuat dalam bidang kepakaran pensyarah bagi mengelakkan penarikan balik artikel, menghindari 'jurnal pemangsa' yang sering muncul akibat tekanan ranking serta mengutamakan penyelidikan berasaskan bukti yang memberi impak etika dan sosial.

Dalam konteks ini, beliau mengingatkan pendidik tidak boleh mengorbankan kualiti pengajaran dan pembelajaran demi mengejar indikator luaran semata-mata.

Tidak cukup dengan hanya sekadar berwacana, KPT mengemuka dan melaksanakan langkah konkrit membina ekosistem pendidikan tinggi segar

dan kondusif.

Dalam Ucapan Landasan Hala Tuju KPT pada 12 Januari 2024 umpamanya, beliau menekankan keperluan melihat universiti sebagai 'taman ilmu dan budi', iaitu ruang membina adab, watak dan kapasiti manusiawi secara menyeluruh.

Beliau menegaskan ekosistem ini tetap menuntut kecemerlangan akademik, pembudayaan ilmu dan pengukuhan tradisi intelektual, tetapi dalam kerangka maqasid pendidikan lebih luas.

Dalam kerangka ini, beliau mengusulkan beberapa anjakan utama yang telah dan sedang dilaksanakan. Antaranya penekanan terhadap penghasilan dan penjilidan korpus ilmu mengikut disiplin dan kebitaraan institusi, kerana perbukuan dan penerbitan dilihat sebagai lambang keunggulan akademik sebenar, bukan sekadar bilangan artikel indeks.

Selain itu, KPT turut menggerakkan program perkaderan kepemimpinan muda bagi melahirkan pemimpin masa depan berilmu, berdaya saing, berwatak global dan teguh dari segi moral.

Pada masa sama, peranan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) diperkasakan sebagai pusat kecemerlangan kepemimpinan akademik dan institusi dengan fungsi latihan, rujukan dan pembangunan kepakaran lebih luas di peringkat serantau.

KPT juga mengangkat penganjuran program 'Festival of Ideas' secara tahunan sebagai wadah menghimpunkan hasil penyelidikan, wacana ilmiah, dialog intelektual dan kearifan tempatan, sekali gus menghidupkan semula budaya ilmu di kampus.

Kesemua langkah ini memperlihatkan KPT tidak sekadar mengiktiraf ranking, tetapi secara aktif berusaha membina alternatif nilai dan ukuran kecemerlangan lebih bermakna.

Justeru, dakwaan IPT Malaysia membata tuli menyertai sistem ranking yang tidak lebih daripada sekadar kegiatan mengaut untung adalah tidak adil.

Hakikatnya, wujud anjakan dasar jelas ke arah pendidikan tinggi lebih berimbang, beretika dan berteraskan impak, walaupun ranking masih diiktiraf sebagai sebahagian daripada realiti global.

Dalam konteks ini, pembahasan lebih matang bukan soal meninggalkan ranking secara total, tetapi bagaimana memastikan ranking tidak menelan roh universiti.

Maka dari sudut inilah dasar semasa KPT yang mahu mengembalikan universiti kepada tujuan asasnya sebagai penjaga ilmu, pembina manusia dan pemangkin kemajuan masyarakat wajar disokong.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendapat rasmi BH